

8. Ucapan Tahniah Pada Hari Raya:

Daripada Jubair bin Nufair رضي الله عنه, beliau berkata:

(كَانَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ إِذَا التَّقَوَّا يَوْمَ الْعِيدِ يَقُولُ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ: تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكَ)

(Dahulunya sahabat-sahabat Nabi ﷺ, apabila mereka bertemu pada Hari Raya, akan berkata sebahagian mereka kepada sebahagian yang lain: Semoga Allah menerima daripada kami dan daripada kamu). [Berkata Al-Hafiz Ibnu Hajar: Sanadnya adalah hassan]

Berpuasa Enam Hari Di Dalam Bulan Syawal

Sabda Nabi ﷺ :

(مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ) رواه مسلم

(Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian mengikutkannya dengan enam hari dari Syawal, maka ia seperti berpuasa sepanjang tahun). [diriwayatkan oleh Muslim]

Penjelasan:

Hadith ini menjelaskan berkenaan ganjaran yang bakal diperoleh oleh sesiapa yang berpuasa enam hari di dalam bulan Syawal, setelah berpuasa Ramadhan, lantas menjadikan jumlah hari dia berpuasa $30 + 6 = 36$ hari, kerana satu kebaikan dibalas sepuluh kebaikan di sisi Allah.

Sesiapa yang ingin berpuasa 6 hari di dalam bulan Syawal sepatutnya mencukupkan dahulu bilangan puasa Ramadhan, kerana Nabi ﷺ bersabda: (Sesiapa yang berpuasa Ramadhan) dan Ramadhan mempunyai jumlah dan waktu yang sedia diketahui.

Sesiapa yang tidak sempat berpuasa 6 hari di dalam bulan Syawal kerana alasan yang sah (yakni bukan kerana melengah-lengah dan tidak acuh), dibolehkan mengganti hari yang tidak cukup itu di dalam bulan berikutnya kerana Nabi ﷺ telah membolehkan penggantian ibadat yang sunat di luar waktu yang sepatutnya³.

³ Sebagai contoh: Penggantian iktikaf 10 akhir Ramadhan di dalam bulan Syawal dan solat 2 rakaat selepas Zuhur yang ditangguhkan sehingga selepas Asar yang kedua-duanya telah dilakukan oleh Baginda ﷺ.

Asas agama Islam adalah akidah. Kerosakan akidah akan membawa impak yang besar kepada bahagian agama yang lain seperti penghancuran syariat, kerosakan akhlak, hilang rasa hormat dan ta'zim terhadap perkara-perkara yang suci dalam Islam, seperti Al-Quran dan Rasulullah ﷺ. dll

Risalah Ta'lim



YAYASAN TA'LIM TTDI KL, NO 42A & 44A LORONG RAHIM KAJAI 14,
TAMAN TUN DR ISMAIL, 60000 KUALA LUMPUR
TEL : 0377282393/0377275067 | FAX : 0377288067
<http://www.islamiclearningcentre.com>

Terbitan Yayasan Ta'lim, TTDI

Bil (10) 1 Syawal 1431/10 September 2010

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

{Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.} [Al-Baqarah : 185]

Pengertian Eid atau Hari Raya

Eid [عيد] atau Hari Raya: adalah setiap hari yang di dalamnya terdapat perhimpunan dan perkumpulan. Ia berasal dari [عاد - يعود] yang bermaksud 'kembali' atau 'mengulang semula'.

Berkata Ibnu Al-Aa'rabi: Dinamakan eid itu eid kerana ia kembali setiap tahun dengan kegembiraan yang diperbaharui. [Lisan Al-Arab 3-319]

Berkata Ibnu Abidin: Dinamakan Eid dengan nama ini; kerana Allah Taala mempunyai gantian atau pulangan kebaikan, yakni pelbagai bentuk kebaikan yang kembali kepada hamba-hambanya pada setiap hari. Di antaranya adalah: Berbuka setelah terhalang daripada makanan dan zakat fitri.

[Hasyiah Ibnu Abidin 2-165]

Adab-adab Di Dalam Berhari Raya

1. Menzahirkan Takbir Bermula Malam Hari Raya:

Telah sabit bahawa Nabi ﷺ :

(كَانَ النَّبِيُّ يُكَبِّرُ يَوْمَ الْفِطْرِ مِنْ حِينَ يَخْرُجُ مِنْ بَيْتِهِ حَتَّىٰ يَأْتِيَ الْمُصَلَّى) رواه الحاكم وصححه الألباني

(Dahulunya Baginda akan keluar pada Aidilfitri, lalu Baginda akan bertakbir sehingga Baginda sampai ke musolla, dan sehingga selesai solat. Apabila selesai solat Baginda akan berhenti bertakbir) [diriwayatkan oleh Al-Hakim dan disahihkan oleh Al-Albani]

Berkata Imam Al-Baghowi:

(كَانَ ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَغْدُو إِلَى الْمُصَلَّى يَوْمَ الْفِطْرِ إِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ فَيُكَبِّرُ حَتَّىٰ يَأْتِيَ

الْمُصَلَّى ثُمَّ يُكَبِّرُ بِالْمُصَلَّى حَتَّىٰ إِذَا جَلَسَ الْإِمَامُ تَرَكَ التَّكْبِيرَ) رواه الحاكم والبيهقي وصححه الألباني

(Dahulunya Ibnu Umar رضي الله عنه akan keluar pada waktu pagi ke musolla, pada Aidilfitri, ketika terbit matahari, lalu beliau akan bertakbir sehingga beliau sampai ke mosolla. Kemudian beliau akan terus bertakbir di musolla, sehinggalah apabila Imam telah duduk, barulah beliau berhenti bertakbir) [diriwayatkan oleh Al-Hakim dan Al-Baihaqi, serta disahihkan oleh Al-Albani]

2. Membersihkan Dan Mencantikkan Diri:

(كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَلْبَسُ بُرْدَ حَبْرَةَ فِي كُلِّ عَيْدٍ) رواه البيهقي والشافعي

(Dahulunya Nabi ﷺ memakai selempang kain berhias pada setiap Hari Raya) [diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dan As-Syafie]

(كَانَ ﷺ يَغْتَسِلُ يَوْمَ الْعِيدِ) رواه مالك والشافعي

(Dahulunya Nabi ﷺ mandi pada Hari Raya) [diriwayatkan oleh Malik dan As-Syafie]

3. Makan Sebelum Keluar Ke Musolla:

Daripada Anas رضي الله عنه, beliau telah berkata:

(كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَأْكُلَ تَمْرَاتٍ وَيَأْكُلُهُنَّ وَتَرًا) رواه البخاري

(Dahulunya Rasulullah ﷺ tidak keluar pagi Aidilfitri, melainkan setelah Baginda makan beberapa biji tamar, dan Baginda memakannya dengan bilangan ganjil) [diriwayatkan oleh Al-Bukhari]

4. Keluar Ke Musolla Dalam Keadaan Berjalan:

(كَانَ ﷺ يَخْرُجُ إِلَى الْعِيدِ مَا شِئًا وَيَرْجِعُ مَا شِئًا) رواه ابن ماجه وصححه الألباني

(Dahulunya Baginda ﷺ akan keluar Hari Raya dalam keadaan berjalan dan pulang dalam keadaan berjalan) [diriwayatkan oleh Al-Bukhari]

Berkata Imam Sa'eid bin Al-Musayyab¹: Sunah Fitr ada tiga perkara: Berjalan ke musolla, makan sebelum keluar, dan mandi.

5. Keluarnya Wanita-wanita, Kanak-kanak dan Yang Datang Haid:

Daripada Ummu A'thiyyah رضي الله عنها :

¹ Beliau adalah: Sa'eid bin Al-Musayyab bin Hazan bin Abi Wahb Al-Makhzumi Al-Qurasyi, gelaran beliau adalah Abu Muhammad (14H – 94H). Dilahirkan pada tahun kedua pemerintahan Umar bin Al-Khattab. Tergolong dari kalangan pakar ilmu yang hebat di dalam Hadith, Fiqh dan Tafsir Al-Quran. Dikira sebagai penghulu Fuqaha Madinah dan Tabiin.

(أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ نُخْرِجَهُنَّ فِي الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى؛ الْعَوَاتِقَ وَالْحَيْضَ وَذَوَاتِ الْحُضُورِ. فَأَمَّا الْحَيْضُ فَيَعْتَزِلْنَ الصَّلَاةَ - وَفِي لَفْظِ الْمُصَلَّى - وَيَشْهَدْنَ الْخَيْرَ وَدَعْوَةَ الْمُسْلِمِينَ) رواه مسلم

(Rasulullah ﷺ telah memerintahkan kami untuk membawa mereka keluar pada Aidilfitri dan Aidiladha; iaitu mereka yang hampir baligh, mereka yang datang haid, mereka yang di sebalik tabir. Adapun mereka yang datang haid, mereka akan menjauhi solat—di dalam satu lafaz musolla— dan menghadiri kebaikan dan doa orang-orang Islam). [diriwayatkan oleh Muslim]

Baginda ﷺ telah bersabda:

(وَجَبَّ الْخُرُوجُ عَلَى كُلِّ ذَاتِ نَطَاقٍ) رواه أحمد بسند صحيح

(Wajib keluar ke atas setiap yang mempunyai perca kain) yakni pada kedua-dua Hari Raya. [diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanad yang sahih]

6. Bertentangan Jalan [Pergi dan Balik]:

Daripada Jabir رضي الله عنه, beliau berkata:

(كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا كَانَ يَوْمُ عِيدِ خَالَفَ الطَّرِيقَ) رواه البخاري

(Dahulunya Nabi ﷺ apabila hari raya, Baginda akan bertentangan jalan [pergi dan balik]).

7. Sesiapa Yang Terlepas Solat Hari Raya:

Telah berkata Umar bin Al-Khattab رضي الله عنه :

(صَلَاةُ الْأَضْحَى رَكَعَتَانِ، وَصَلَاةُ الْفِطْرِ رَكَعَتَانِ، وَصَلَاةُ الْمُسَافِرِ رَكَعَتَانِ، وَصَلَاةُ الْجُمُعَةِ رَكَعَتَانِ، تَمَامٌ لَيْسَ بِقَصْرِ عَلَى لِسَانِ النَّبِيِّ ﷺ) رواه النسائي وصححه الألباني

(Solat Adha dua rakaat, solat Fitri dua rakaat, solat orang yang bermusafir dua rakaat, solat Jumaat dua rakaat, sempurna bukan dipendekkan, mengikut kata-kata Nabi ﷺ).

[diriwayatkan oleh An-Nasa'i dan disahihkan oleh Al-Albani]

A'to² berkata: Sekiranya dia terlepas solat hari raya, dia perlu solat dua rakaat.

² Beliau adalah: Abu Muhammad; A'to bin Abi Rabah; Aslam bin Safwan (27H – 114H). Mempunyai asal keturunan daripada Nubi [satu kawasan di timur laut Sudan dan selatan Mesir]. Dilahirkan di Taiz, Yaman dan membesar di Mekah. Merupakan antara orang teragung dari Fuqaha dan Tabiin, pada kurun pertama dan kedua Hijriah. Anak murid kepada Ibnu Abbas.

